



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

2 JUN 2023 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

2 JUN 2023 (JUMAAT)

Kes tertipu pakej umrah

150 rugi RM1.5j didakwa ditipu pakej umrah

Kuala Lumpur: Seramai 150 mangsa mendakwa ditipu pakej umrah oleh Emraz Travel & Tours Sdn Bhd (Emraz) dengan nilai kerugian keseluruhan dialami dianggar melebihi RM1.5 juta.

Setiausaha Kerja Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Zharif Johor, berkata semua mangsa itu tampil membuat aduan kepada pihaknya sepanjang bulan lalu, bertujuan memohon bantuan memandangkan isu terbabit belum dapat diselesaikan sehingga kini.

"Dalam isu ini, PPIM membantu mangsa teranaya kerana mereka bukan hanya tidak dapat menuaikan umrah, malah tidak mendapat semula bayaran dikemukakan kepada agensi.

"Kita anggarkan jumlah kerugian dialami mangsa membatik agensi ini lebih besar kerana ada dalam kalangan jemaah menempah pakej platinum.

num yang harganya mencecah puluhan ribu seorang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika dihubungi selepas mempernugeraskan perbincangan bersama mangsa penipuan umrah oleh syarikat terbabit menerusi aplikasi Zoom, semalam.

Zharif berkata, dalam perbincangan itu, pihaknya memberi taklimat mengenai kes berkenaan selain diadakan sesi soal jawab dan perkongsian pengalaman oleh mangsa bagi mendapatkan pembelaan.

"Kita kesaf dengan apa yang menimpa semua jemaah ini kerana mereka yang terkandas tidak mendapat pembelaan dan bayaran semula juga tidak diterima sehingga kini.

"Kita dapat tahu ada antara mangsa sudah pun kehilangan ahli keluarga sepanjang tempoh menunggu untuk berangkat menuaikan umrah.

"Malah, ada mangsa yang

meminta bayaran semula kerana hilang kepercayaan, namun masih belum menerima bayaran. Ada pula yang dapat tarikh baharu penerbangan, namun tarikh difitarkan pihak agensi dibuat tanpa perbincangan bersama jemaah," katanya.

Dalam pada itu, Zharif men-

sihatkan semua mangsa yang terkesan dengan penipuan syarikat sama tampil membuat laporan kepada pihak polis, selain Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan pihak lain yang berkaitan bagi menyelesaikan isu ini.

"Pada masa sama, PPIM akan membuat desakan kepada Emraz supaya memaklumkan solusi yang akan diberikan kepada mangsa. Kita tak mahu mereka sekadar berjanji di mulut, sebaliknya perlu ada jaminan termasuk cagaran kerana mangsa sudah menunggu lama.

"Dalam kes ini, PPIM menyediakan khidmat percuma kepada mangsa yang tampil sebagai tanda sokongan untuk mengatasi masalah seumpama ini yang berlaku setiap tahun, sekali gus menyebabkan kegusaran dalam kalangan bakal jemaah umrah," katanya.

Selain itu, beliau menggesa pihak berkuasa memantau isu penipuan sebegini bagi mengelak ia berulang, apakah lagi mangsa tetap tertipu meskipun berurusan dengan syarikat yang berdaftar.



Zharif Johor,
Setiausaha Kerja Persatuan
Pengguna Islam Malaysia (PPIM)

Kita anggarkan jumlah kerugian dialami mangsa membatik agensi ini lebih besar kerana ada dalam kalangan jemaah menempah pakej platinum yang harganya mencecah puluhan ribu seorang.

Rahmah initiative to aid local musicians

KUALA LUMPUR: The Recording Industry Association of Malaysia (RIM) launched the "Sumbangan Rahmah Industri Muzik" charity programme as an effort to assist local musicians on Wednesday.

RIM chairman Rosmin Hashim said the association received annual funding support of RM100,000 from Public Performance Malaysia, which is the oldest collective management organisation in the country.

"Under this programme, music industry practitioners from singers, musicians, and songwriters to officers of record companies who are facing difficulties can apply for aid from the just-established 'Sumbangan Rahmah'."

The launch, which was officiated by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub, is in line with the "Payung Rahmah" initiative to help ease the people's cost of living.

Rosmin said applications for the financial aid will open today and forms can be obtained via the www.rim.org.my/sumbangan-rahmah-application website.

He added that "Sumbangan Rahmah Industri Muzik" was an expansion of the emergency fund that was established at the height of the Covid-19 pandemic.

"We are concerned about the plight of veteran artistes, who are struggling to make ends meet, as well as those who need help paying their medical bills. We are grateful that a programme like this has been implemented.

"Just like the previous RIM Emergency Fund, we will comply with the parameters and conditions set in the distribution of financial assistance from the 'Sumbangan Rahmah Industri Muzik' fund to eligible applicants."

At the event, Salahuddin handed over mock cheques worth RM2,000 to several music industry practitioners who were also the first recipients of Rahmah aid.

Among them were singers Zaiton Sameon, Ali Ismail or better known as Ali XPD, Sazali P. Ramlee and Ben Nathan. - Bernama

KPDN serbu kedai letak syarat beli gula

ALOR SETAR: Gara-gara menjual gula pasir kasar secara ber-syarat kepada pelanggan, sebuah premis perniagaan diserbu pegawai kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah di Hutan Kampung, di sini kelmarin.

Pengarah Pejabat KPDN Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, pasukan pegawai penguatan kuasa melakukan pemeriksaan di premis itu kira-kira pukul 11 pagi hasil aduan orang awam dengan

mengakukan penyamaran.

“Salah seorang pegawai penguatan kuasa menyamar sebagai pembeli dengan berpakaian preman di premis berkenaan untuk membeli gula pasir kasar yang berharga RM2.85 sebungkus.

“Hasil penyamaran mendapati premis itu mensyaratkan setiap pembelian dua kilogram (kg) gula pasir kasar berharga RM2.85 sebungkus oleh pelanggan perlu diikuti dengan pembelian 1kg gula putih premium yang berharga RM4.60 sebungkus,” katanya

dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, peniaga berkenaan didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengenakan syarat tanpa kebenaran Pengawal Bekalan.

“Pegawai penguatan kuasa seterusnya bertindak menyita 10kg gula pasir kasar dan 14kg gula pasir super premium untuk siasatan lanjut. Nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM64.40 dan kes disiasat di bawah Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan

1961,” jelasnya.

Tambah Affendi, KPDN Kedah memberi amaran kepada peniaga supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang dikuatkuasakan.

“Para peniaga diingatkan supaya tidak mengenakan apa-apa syarat bagi pembelian barang kawalan dan tidak menyorok barang kawalan bagi mengelak dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.



DUA penguat kuasa KPDN Kedah memeriksa premis yang mengenakan syarat bagi pembelian gula di Hutan Kampung, Alor Setar semalam.

Penguat kuasa menyamar pembeli dapatkan maklumat

Kedai letak syarat beli gula kena serbu

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

ALOR SETAR. — Ekoran menjual gula pasir kasar secara ber-syarat kepada pelanggan, sebuah premis perniagaan di Hutan Kampung dekat sini diserbu pihak penguat kuasa Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah.

Pengarah Pejabat KPDN Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, pasukan pegawai penguat kuasa melakukan pemeriksaan di premis itu hasil aduan orang awam dengan melakukan penyamaran.

“Salah seorang pegawai penguat kuasa menyamar seba-

gai pembeli di premis itu untuk membeli gula pasir kasar yang berharga RM2.85 sebungkus.

“Kita dapat premis tersebut mengenakan pembelian ber-syarat.

“Setiap pembelian 2 kilogram (kg) gula pasir kasar berharga RM2.85 sebungkus, pelanggan perlu membeli 1 kg gula putih premium berharga RM4.60,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, peniaga itu didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengenakan syarat tanpa kebenaran pengawal bekalan.

“Pegawai penguat kuasa bertindak menyita gula pasir

kasar 1 kg (RM2.85) sebanyak 10 kg dan gula pasir super premium 1 kg (RM4.60) sebanyak 14 kg untuk siasatan lanjut.

“Nilai rampasan keseluruhan RM64.40. Kes disiasat di bawah Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan 1961,” ujarnya.

Tambah beliau, KPDN Kedah memberi amaran kepada peniaga supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan.

“Mereka diingatkan supaya tidak mengenakan apa-apa syarat bagi pembelian barang kawalan dan tidak menyoroknya bagi mengelak dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

Wajib beli 1kg gula premium!

Kedai letak syarat kepada pelanggan jika beli 2kg gula pasir perlu beli gula putih RM4.60 sebungkus

Oleh Zuliyati Zulkifli
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Tindakan sebuah premis di Hutan Kampung, di sini, yang menjual gula secara bersyarat mengundang padah apabila diambil tindakan oleh pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Kedah, kelmarin.

Pengarah KPDN Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, sepasukan pegawai penguat kuasa melakukan periksakan di premis susulan aduan orang awam dengan melakukan penyamaran.

Beliau berkata, pegawai penguat kuasa KPDN Kedah menyamar sebagai pembeli di premis berkenaan untuk membeli gula pasir kasar yang berharga RM2.85 sebungkus pada jam 11 pagi.

"Hasil penyamaran mendapati premis terbabit mengenakan pembelian ber-syarat apabila setiap pembelian dua kilogram gula pa-



NOTIS bersyarat dengan pembelian dua gula kasar perlu membeli sebungkus gula premium di sebuah premis di sebuah premis di Hutan Kampung.

sir kasar yang berharga RM2.85 sebungkus, pelanggan perlu membeli satu kilogram gula putih premium yang berharga RM4.60 sebungkus.

"Berikutnya itu, peniaga terbabit didapati melakukan

kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengenakan syarat tanpa kebenaran pengawal bekalan," katanya dalam kenyataan semalam.

Affendi berkata, pegawai-

pasir kasar satu kg itu sebanyak 10kg dan gula pasir Super Premium (RM4.60 setiap satunya) sebanyak 14kg un-

tuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, nilai rambutan keseluruhan adalah sebanyak RM64.40.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan sekiranya sabit kesalahan mengikut akta ini boleh dikenakan penalti iaitu bagi mana-mana orang perseorangan boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau

penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi ke-

salahan

yang ke-

dua boleh

didenda

tidak

melebihi

RM3 juta

atau pen-

jara tidak

melebihi

lima tahun

atau ke-

dua-duanya se-

kali."

"Bagi pertumbuhan perbadanan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta dan bagi kesalahan yang kedua

didenda tidak melebihi RM5 juta," katanya.

Affendi berkata, KPDN Kedah memberi amaran kepada peniaga supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang sedang dikuatkuasakan.

Katanya, semua peniaga diingatkan supaya tidak mengenakan apa-apa syarat bagi pembelian barang kawan dan tidak menyorok barang kawan bagi mengelak dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Pada masa sama orang ramai diharap dapat menyururkan maklumat kepada Pejabat KPDN melalui saluran seperti portal e-aduan 2.0 <http://eaduan.kpdn.gov.my>, Call Centre 1-800-886-800, e-mel e-aduan@kpdn.gov.my, Aplikasi EZ ADU KPDN.

"Selain itu, maklumat boleh disururkan melalui Pusat Arahan Penguatan (ECC) 03-88826088/6245 atau WhatsApp 019-848 8000 dan 019-279 4317 serta Pejabat KPDN Kedah 04-7001745," katanya.

Pemandu bas seleweng 500 liter diesel bersubsidi



YONG PANG (kiri) didakwa menyeleweng diesel bersubsidi sebanyak 500 liter di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru semalam. — RAJA JAAFAR ALI

JOHOR BAHRU — Seorang pemandu bas persiaran dari Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, kerana menyeleweng minyak diesel bersubsidi 500 liter, Selasa lalu.

Tertuduh, Low Yong Pang, 24, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Inggeris di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki warga Singapura itu didakwa memiliki barang kawalan yang juga merupakan barang berjedual iaitu minyak diesel sejumlah anggaran 500 liter di dalam kenderaan sebuah bas persiaran. Perbuatan itu dalam keadaan

menimbulkan syak munasabah untuk melakukan kesalahan di bawah Peraturan 3 (1) Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Kesalahan itu dituduh dilakukan di sebuah stesen minyak di Jalan Kempas Baru, Johor Bahru pada pukul 10 pagi, 30 Mei lalu.

Pendakwaan dilakukan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk kesalahan kali kedua

dan seterusnya didenda tidak melebihi RM3 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Muhammad Sabiq Muhamad Subri dan Pegawai Pendakwa KPDN, Raja Nor Ikhlas Raja Ariff, manakala Yong Pang diwakili peguam, Dahlia Tan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan dua penjamin warga tempatan selain menetapkan 6 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Pemandu bas warga Singapura ditahan seleweng 500l diesel

Johor Bahru: Pemandu bas warga Singapura dihadapkan ke Mahkamah Sesyen disini, semalam, atas tuduhan menyeleweng barang kawalan iaitu minyak diesel kira-kira 500 liter.

Tertuduh, Low Yong Pang Benjamin, 24, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah dalam bahasa Inggeris di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Berdasarkan pertuduhan, lelaki itu didakwa berada dalam kawalannya barang kawalan iaitu diesel yang dianggarkan 500 liter dalam sebuah bas persiaran bernombor pendaftaran Singapura dalam keadaan menimbulkan syak bahawa dia berurusan dengan barang kawalan berjadual secara borong atau runcit tanpa lesen.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh di Stesen Minyak Shell, Jalan Kempas Baru disini, kira-kira jam 10 pagi, 30 Mei lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kaw-

alan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN), Muhammad Sabiq Mohd Subri mencadangkan jaminan

RM20,000 dengan dua pengjamin warga tempatan.

Peguam Dahlia Tan yang mewakili tertuduh bersetuju dengan cadangan diberikan pihak pendakwaan sebelum mahkamah menerapkan ikat jamin mengikut jumlah yang dipersetujui.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula sementara menunggu laporan kimia dan laporan pengesahan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada 6 Julai depan.



LOW dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas tuduhan menyeleweng barang kawalan iaitu minyak diesel kira-kira 500 liter. - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

Peniaga letak syarat khas beli gula bawa padah

ALOR SETAR - Sebuah premis perniagaan di Hutan Kampung, di sini dikenakan tindakan kerana mengenakan syarat bagi pembelian gula pasir kasar terhadap pelanggan pada Rabu.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Affendi Rajini Kanth berkata, sepasukannya pegawai penguat kuasa melakukan pemeriksaan lebih kurang jam 11 pagi di premis terlibat hasil aduan orang awam.

Katanya, salah seorang pegawai penguat kuasa menyamar sebagai pembeli dengan berpakaian preman di premis berkenaan untuk membeli gula pasir kasar berharga RM2.85 sekilogram.

"Premis itu mengenakan syarat pelanggan perlu membeli satu kilogram (kg) gula putih premium berharga RM4.60 bagi setiap pembelian dua kilogram gula pasir kasar berharga RM2.85.

"Sehubungan itu, peniaga tersebut didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana mengenakan syarat tanpa kebenaran Pengawal Bekalan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.



Sebuah premis di Hutan Kampung, Alor Setar dikesan menetapkan syarat khas untuk pembelian gula.

Beliau menambah, pegawai penguat kuasa seterusnya bertindak menyita 10 kg gula pasir kasar dan 14 kg gula pasir premium dengan nilai rampasan keseluruhan adalah sebanyak RM64.40.

Menurut Affendi lagi, kes di-siasat di bawah Seksyen 19 Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Sekiranya disabitkan dengan kesalahan, mana-mana orang perseorangan boleh denda tidak melebihi RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi kesalahan kedua,

mana-mana orang perseorangan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Pertubuhan perbadanan pula boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2 juta dan tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan yang kedua jika sabit kesalahan," katanya.

Ujar beliau lagi, KPDN Kedah memberi amaran kepada peniaga supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang dikuatkuasakan.

Pemandu bas Singapura didakwa seleweng 500 liter diesel

JOHOR BAHRU: Seorang pemandu bas persiaran Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menyeleweng minyak diesel bersubsidi sebanyak 500 liter, Selasa lalu.

Namun tertuduh, Low Yong Pang, 24, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Inggeris di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Berdasarkan kertas pertuduhan, dia didakwa memiliki minyak diesel kira-kira 500 liter, iaitu barang kawalan di dalam sebuah bas persiaran jenis Scania nombor pendaftaran PA7792G di sebuah stesen minyak di Jalan Kempas Baru, Johor Bahru pada pukul 10 pagi, 30 Mei lalu.

Yong Pang didakwa di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (Akta 122) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Bagi kesalahan kali kedua dan seterusnya, boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendallikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Muhamad Sabiq Muhamad Subri dan Pegawai Pendakwa KPDN, Raja Nor Ikhlas Raja Ariff manakala Yong Pang diwakili peguam bela, Dahlia Tan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan dua penjamin warga tempatan.

Tarikh 6 Julai ditetapkan sebagai tarikh sebutan semula kes.



MEDIA ONLINE (KPDN)

2 JUN 2023 (JUMAAT)

BERITA ONLINE BERTARIKH 2 JUN 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
2-Jun	RIM launches music industry 'Rahmah' charity programme	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/01/rim-launches-music-industry-039rahmah039-charity-programme	THESTAR
2-Jun	RIM lancar Sumbangan Rahmah Industri Seni Muzik, 10 selebriti terima bantuan RM2,000	https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2023/06/01/rim-lancar-sumbangan-rahmah-industri-seni-muzik-10-selebriti-terima-bantuan-rm2000	MSTAR
2-Jun	RIM lancar Sumbangan Rahmah Industri Muzik, bantu penggiat seni muzik tempatan	https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/01/rim-lancar-sumbangan-rahmah-industri-muzik-bantu-penggiat-seni-muzik-tempatan	UMBORNEO
2-Jun	RIM bantu penggiat dengan Sumbangan Rahmah Industri Muzik	https://m.malaysiakini.com/hiburan/667121	MALAYSIAKINI
2-Jun	RIM lancar Sumbangan Rahmah Industri Muzik, bantu penggiat seni muzik tempatan	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/rim-lancar-sumbangan-rahmah-industri-muzik-bantu-penggiat-seni-muzik-tempatan-422030%3famp=1	ASTROAWANI
2-Jun	KPDN serbu kedai letak syarat beli gula	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kpdn-serbu-kedai-letak-syarat-beli-gula/	UM
2-Jun	Perak KPDN seizes 1,500 counterfeit items in Parit Buntar	https://www.thesundaily.my/local/perak-kpdn-seizes-1500-counterfeit-items-in-parit-buntar-GE11049078	THESUNDAILY
2-Jun	KPDN rampas 1,500 barang tiruan di Parit Buntar	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-rampas-1-500-barangan-tiruan-di-parit-buntar-422021%3famp=1	ASTROAWANI